

Headline	Kecurian elektrik diatasi jika SESB bawah kerajaan negeri		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	06 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	246	Readership	738
Section	News	Page No	2
ArticleSize	246 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,678		



## Kecurian elektrik diatasi jika SESB bawah kerajaan negeri

**Kota Kinabalu:** Langkah mengatasi masalah kecurian bekalan elektrik yang didakwa berleluasa di Pulau Gaya, di sini, selain tempat lain di seluruh negeri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan selepas Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) diambil alih kerajaan negeri.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Junz Wong, berkata kerajaan boleh memperkenalkan dasar dan strategi tertentu yang dapat mengengkang kegiatan itu jika syarikat utiliti berkenaan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata, ketika ini kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa penuh ke atas syarikat utiliti itu memandangkan ia masih dikuasai Kerajaan Pusat, manakala proses penyerahan semula kepada kerajaan negeri dijangka mengambil masa kira-kira setahun lagi.

“Perkara ini tidak boleh dinafikan, memang ada masalah elektrik dan air kena curi. Sebagai kerajaan dan menteri Kabinet, kita sentiasa berusaha dan kaji kaedah terbaik bagaimana boleh mengatasi masalah ini.

“Sekarang ini kita masih bergantung dengan SESB, bekerjasama dengan kita kerana kita belum ada kuasa penuh dan sukar bagi kita untuk memberitahu mereka mengenai apa yang sepatutnya dilakukan kerana SESB masih di bawah kerajaan Pusat.

“Bagaimanapun, sekarang kita dalam proses untuk mengambil alih syarikat itu, mungkin dalam tempoh setahun lagi atau secepat mungkin lebih baik supaya kita dapat melaksanakan dasar dan strategi atau keputusan mengenai isu berkaitan SESB untuk manfaat rakyat,” katanya, di sini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Aru berkata demikian sebagai mengulas isu kecurian bekalan elektrik di Pulau Gaya yang didakwa menyebabkan SESB kerugian hampir RM45,000 sebulan,



**Junz Wong**

baru-baru ini.

Pulau Gaya adalah sebahagian daripada kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Aru dalam Parlimen Putatan, dengan jumlah penduduknya dianggarkan mencecah 10,000 orang.

SESB sebelum ini mendakwa mengalami kerugian kira-kira RM44,800 sebulan disebabkan aktiviti penyambungan haram elektrik yang dikesan berleluasa di dua kampung di Pulau Gaya iaitu di Lok Urai dan Kesuapan.

Ia dikesan dalam operasi membanteras kegiatan curi elektrik atau penyambungan haram yang dilaksanakan syarikat utiliti terbabit dengan kerjasama polis dan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) Tanjung Aru di kampung berkenaan, baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan SESB, Timbalan Pengurus Besar Pembahagian (Perkhidmatan Pelanggan) syarikat itu, Abdul Karim Ahmad, berkata sikap penduduk yang tidak mempedulikan larangan SESB selain tidak takut bahaya atau risiko akibat perbuatan melakukan penyambungan haram adalah antara cabaran yang menyebabkan kegiatan haram itu masih berlaku.

Ketika ini, SESB adalah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan 80 peratus pegangan saham, manakala bakinya dimiliki kerajaan negeri selepas penswastaan Lembaga Letrik Sabah (LLS) pada 1998.